

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NASIONAL

Had kenaikan premium

Industri takaful dijangka kerugian RM800 juta

MTA optimis langkah BNM mampu rangsang pembangunan penyelesaian kesihatan mampan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Industri takaful berpotensi kerugian sehingga RM800 juta susulan pelaksanaan langkah sementara oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang mengehadkan kenaikan premium bagi produk insurans dan takaful perubatan serta kesihatan (MHTT).

Langkah berkenaan mengehadkan peningkatan premium tahunan kepada kurang daripada 10 peratus bagi sekurang-kurangnya 80 peratus pemegang polisi untuk tempoh tiga tahun akan datang sehingga akhir 2026.

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Takaful Malaysia (MTA), Mohd Radzuan Mohamed, berkata langkah itu yang bertujuan meringankan beban kewangan pengguna, turut memberikan tekanan besar kepada penyedia takaful dalam menampung kos rawatan yang terus meningkat.

Beliau berkata, walaupun pihaknya memahami keresahan orang ramai terhadap kenaikan premium, isu pokok yang perlu diberi perhatian ialah kadar inflasi kos

rawatan perubatan yang semakin tinggi.

"Pelarasan premium sebenarnya diperlukan bagi memastikan kesinambungan perlindungan yang ditawarkan dalam pelan perubatan dan kesihatan.

"Malaysia kini berada di kedudukan ketiga tertinggi di Asia dari segi inflasi perubatan, yang turut menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kos pelan perlindungan kesihatan," katanya pada Taklimat Media Prestasi Industri Takaful 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

Walaupun berdepan cabaran itu, Mohd Radzuan menegaskan, MTA kekal optimis bahawa langkah sementara oleh BNM mampu merangsang pembangunan penyelesaian kesihatan yang lebih mampan dan mampu milik untuk semua.

MTA berharap lebih banyak inisiatif baharu dapat diperkenalkan, termasuk pendekatan inovatif yang menjadikan perlindungan perubatan lebih mudah diakses oleh rakyat Malaysia.

Langkah pengawalseliaan BNM juga bertujuan mengimbangi keperluan pengguna terhadap perlindungan kesihatan yang berpatutan dengan kelestarian kewangan syarikat insurans dan pengendali takaful.

Kekal berpatutan

Mengulas cabaran inflasi perubatan yang dijangka mencecah sehingga 30 peratus tahun ini, beliau berkata, industri menyokong pendekatan BNM dalam mengehadkan kenaikan sumbangan, demi memastikan pelan perlin-



Mohd Radzuan (kanan) bersama Pemangku Pengerusi Persatuan Takaful Malaysia, Wan Saifurizal Wan Ismail pada Taklimat Media Prestasi Industri Takaful 2024 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

ngan kekal berpatutan.

Katanya, reformasi sistem penjagaan kesihatan negara kini sedang giat dijalankan dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, yang menumpukan kepada aspek ketelusan harga, kecekapan sistem pembayaran, peluasan akses kepada penjagaan kesihatan awam serta penciptaan pelan perlindungan kos rendah.

Beliau turut menyifatkan isu berkaitan perlindungan kesihatan dalam industri takaful sebagai kompleks dan saling berkait dengan pelbagai faktor lain dalam konteks negara ini.

Mohd Radzuan berkata, BNM telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan garis panduan jangka sederhana bagi tempoh tiga tahun, yang bertujuan mem-

bantu pengguna merancang keperluan perlindungan mereka dengan lebih teratur dan berhemah.

Beliau turut menekankan keperluan penyesuaian harga, khususnya bagi golongan warga emas yang lazimnya berdepan risiko kesihatan lebih tinggi dan memerlukan perlindungan lebih menyeluruh.

Menurutnya, pengendali takaful perlu mencari keseimbangan antara kos yang ditanggung dan keupayaan pengguna, selain menawarkan alternatif perlindungan yang lebih mampan milik.

Katanya, MTA sedang bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak, termasuk BNM untuk merangka pelan jangka panjang demi menjamin kelangsungan sistem takaful di negara ini.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : EVENT

75 MLI 12 EVENTS 17/4/2025 (KHAMIS)

Empowering the public with life-saving resuscitation skills

A JOINT community outreach programme, Selangor Heart Safe Mass Training, is aiming to empower the public with lifesaving resuscitation skills by enabling people to quickly react to cardiac emergencies.

The initiative is set to be one of the first large-scale public cardiopulmonary resuscitations (CPR) and automated external defibrillator (AED) training sessions in Selangor.

It will be held on April 26, from 1pm to 6pm, at Megah Rise Mall in Petaling Jaya.

According to the Statistics Department, coronary disease was one of the main leading causes of death for the past two decades except in 2021 where Covid-19 topped the list.

Sudden cardiac arrest can affect anyone, anytime – even young, healthy individuals and children.

The only chance for survival is if CPR is started immediately to preserve oxygen flow to the brain and vital organs.



Quick reaction to cardiac emergencies with proper techniques can save lives. — Filepic

Sudden cardiac arrest sufferers face two potential outcomes: survive and suffer permanent brain damage or ultimately lose their lives.

According to Datuk Dr Luah Lean Wah, president of Penang Heart Safe Society (PHSS) and

Malaysian Resuscitation Association (MyRES), those who suffer sudden cardiac arrest have less than a 1% survival rate in Malaysia.

Studies have found that in cases of sudden cardiac arrest presented as ventricular

fibrillation, immediate CPR and use of AED within three minutes of collapse increases the chances of survival to as high as 70%.

In efforts to improve these odds, PHSS, Selangor Committee on Resuscitation Training (Scort), Alliance for a Safe Community (Ikatan), PPB Group Bhd and its property division PPB Properties came together to jointly organise the initiative.

The training aims to foster a safer, more responsive community, ultimately improving survival rates from sudden cardiac arrest as well as enhancing overall public health outcomes.

Among the main objectives of the initiative are to increase public awareness on sudden cardiac arrest, train community members on life-saving skills, and introduce the functions of an AED device and share knowledge on how to use AED.

One highlight is a one-hour, hands-on CPR and AED training sessions with in-depth guidance

by medical professionals.

Participants will learn life-saving skills to determine if a patient had suffered from sudden cardiac arrest and how to carry out high-quality CPR and use an AED properly.

The mall's ground floor Main Atrium will also host interactive exhibits, including an experiential corner for children to be exposed to CPR and AED techniques.

They can also take on an interactive challenge where they can win prizes.

Participants may also challenge each other with their acquired CPR skills, using a CPR mannequin which will provide real-time feedback on compression depth, rate and technique.

The event is open to all individuals aged 12 and above.

Walk-in is possible. All participants are encouraged to attend the training wearing long pants.

No fee is charged but places are limited.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : EVENT

75 m/s 12 EUKA 17/4/2024 (17/4/2024)
Kidney unit offering free medical checks

SIBU Kidney Foundation (SKF), through its Kidney Awareness Unit, has launched a health-focused programme offering free medical check-ups and consultations to the public.

The goal of this initiative is to encourage early detection and prevention of kidney-related illnesses, while helping individuals gain a better understanding of their kidney conditions.

The SKF Kidney Awareness Unit was created to raise public awareness and promote proactive health practices, empower-

ing people to take charge of their kidneys.

"Over the years, we have delivered health talks and provided free screenings at schools, churches, rural communities, and various organisations," said SKF chairman Temenggong Datuk Vincent Lau in a statement.

"Our main objective is to remind the public of the importance of paying attention to kidney care."

He said dialysis treatments, usually conducted three times a

week with each session lasting about four hours, were expensive and physically exhausting.

He expressed hope that SKF's programmes would help detect high-risk individuals early and enable timely medical intervention.

The public is welcome to visit the unit for free consultations every weekday from 8.30am to 10.30am and from 2.30pm to 3.30pm.

Appointments can be booked by calling 084-343 500. — By **ANDY CHUA**



(From left) SKF manager April Wong updating Lau on the unit's public awareness programme progress.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA m/s 7 D/NEGERI 17/4/2025 (KHAMIS)

Sektor insurans rugi RM4.5b jika kos terus meningkat

Oleh ZAHRA MOHAMAD
ZHAHIR, HENDRA WINARNO
dan SABRINA ZULKIFLI
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Sektor insurans perlu menanggung kerugian mencecah RM4.5 bilion sekiranya kos rawatan perubatan terus meningkat.

Persatuan Takaful Malaysia (MTA) pula menjangkakan, industri takaful berpotensi kerugian sebanyak RM800 juta.

Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini mengehadkan peningkatan premium tahunan bagi produk insurans atau takaful perubatan dan kesihatan (MHIT) kurang daripada 10 peratus bagi lebih 80 peratus pemegang polisi untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Mark O'Dell berkata, sebelum pandemik Covid-19, kadar kemasukan hospital dalam kalangan pemegang polisi adalah sekitar seorang bagi setiap 100 orang setahun.

Katanya, angka itu melonjak kepada 25 orang bagi setiap 100 pemegang polisi tahun lalu, sekali gus memberi tekanan besar terhadap pengendali insurans dan takaful.

"Keadaan ini secara tidak langsung meningkatkan kadar tuntutan secara mendadak dan menjejaskan daya tahan kewangan syarikat insurans dalam



MARK O'Dell (tengah) menyampaikan sumbangan berjumlah RM25,000 kepada lima pertubuhan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri LIAM di Kuala Lumpur. - UTUSAN/ZAHRA MOHAMAD ZHAHIR

jangka panjang," katanya dalam sidang akhbar sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri LIAM di sini, semalam.

Pada Mac lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan langkah BNM menangguhkan pelarasan premium dan pengagihan kadar pelarasan bagi MHIT sehingga akhir 2026. Ia bagi mengimbangi keperluan perlindungan kesihatan mampu milik bagi pengguna.

Tambah O'Dell, selain pelan asas, industri turut meneliti keperluan menstruktur semula mekanisme caj rawatan hospital agar lebih telus dan adil kepada pengguna.

"Pada masa ini, hospital mengenakan caj berdasarkan perkhidmatan yang diberikan (fee for service) dan ini boleh menimbulkan konflik kepentingan antara penyedia perkhidmatan dan pihak pembayar (insurans).

"Kita sedang beralih kepada model harga berdasarkan kumpulan berkaitan diagnostik (DRG) iaitu satu kadar tetap yang diselaraskan mengikut diagnosis dan tahap keseriusan penyakit," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MTA, Mohd. Radzuan Mohamed dalam Taklimat Media Prestasi Industri Takaful 2024 berkata, had yang

bertujuan meringankan beban kewangan pemegang polisi memberi cabaran besar kepada industri.

"Kami memahami kebimbangan orang ramai terhadap kenaikan premium, namun isu asasnya ialah peningkatan kos rawatan perubatan.

"Untuk menampung kos yang semakin meningkat ini, pelarasan premium adalah perlu.

"Kami berharap akan ada lebih banyak inisiatif yang membawa kepada pendekatan inovatif untuk menjadikan perlindungan perubatan lebih mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia," katanya.